



AKADEMI SENI KEBANGSAAN

mempersembahkan

Teater Tradisional Makyung



Dewa Indera Indera Dewa

Akademi Seni Kebangsaan
melangkah ke hadapan bersama tradisi
moving forward with tradition

MENGAMBO

Seniman Negara

13 September 2000, beliau meninggalkan kita, anak-anak bangsa yang masih haus dan dahagakan seni budaya. Perginya beliau adalah sebagai seorang pejuang, penegak dan pengembang seni makyung yang unggul. Kehilangan beliau amat dirasakan bahkan terasa kehadirannya apabila mendengar alunan lagu-lagu dan menyaksikan gerak tari makyung. Namanya begitu mekar, subur dan akrab dengan kesenian ini sehingga dirasakan kita tidak mampu melahirkan seorang insan seni yang serupa atau sehebat Khatijah Awang. Sesungguhnya layaklah beliau diangkat dan dinobatkan sebagai primadona makyung.

Semoga kita yang tinggal, akan terus berusaha memperjuangkan seni makyung. Kewujudan ASK antaranya adalah untuk mengembangkan dan memulihara kesenian tradisional ini. Sahutlah seruan dan sama-samalah membina benteng budaya bangsa.

Semoga Allah mencucuri rahmat ke atas rohnya...

Al-Fatihah.

Khatijah Awang

1941-2000



*Kalu nok gugor...amboi...gugor lah naako
Jange menipo...si dahan pah pauh...la
Kalu nok tidor...amboi...tidor lah mato
Hai jange mengingat jauh...hai orghe
jauh...*

*Buronglah punai...ekornyo lebat
Hai mati terselit...di cadelah kahu...la
Siup serunai...amboi...geseklah rebab...la
Maghi nok ulek...rajo...sedee beradu...*



TEATER TRADISIONAL MAKYUNG

Pengenalan

Makyung berasal daripada perkataan *Mak Hiang* yang membawa maksud semangat padi. Ia merupakan persembahan dramatik tradisional Melayu Kelantan yang menggabungkan elemen seni tari, seni suara, lakon, lawak dan muzik.


Mengikut catatan awal, Peler Florist, seorang pedagang Eropah pernah menyaksikan kesenian ini di istana Raja Perempuan Pattani pada tahun 1613.

Di negeri Kelantan, kesenian ini ditemui di istana semasa pemerintahan Sultan Mahmud IV (1900-1920) dan kemudiannya Sultan Ismail. Teater tradisional ini seterusnya dihidupkan kembali oleh Tengku Zainal Ghaffar II yang dikenali sebagai Tengku Temenggong.

Pada tahun 1969 beberapa orang tokoh budaya dan pembesar di negeri Kelantan berusaha untuk mengekalkan warisan ini. Ia usaha itu telah terbukti apabila Makyung masih berfaed hingga ke hari ini.

KURSUS MAKYUNG DI AKADEMI SENI KEBANGSAAN (ASK)

Mulai 1996 teater Mak Yong diperkenalkan sebagai kursus wajib bagi pelajar-pelajar ASK sebagai usaha mengembalikan kegemilangan Makyung yang semakin dilupakan oleh generasi masa kini. Pembelajaran yang melibatkan kuliah teori dan praktikal dibahagikan kepada dua semester dimana penumpuan mengenai sejarah dan asas elemen-elemen seni Makyung dilakukan pada semester pertama dan pada semester kedua mengkhususkan kepada produksi Makyung.



Pengetahuan dan kemahiran yang diperolehi pelajar-pelajar akan diakhiri dengan sebuah produksi kepada khalayak dengan objektif:

1. Usaha memelihara dan mempertahankan warisan seni Makyung supaya dapat dikongsi bersama dengan orang ramai.
2. Memperlihatkan elemen-elemen keindahan, kehalusan dan estetika teater tradisional Makyung secara langsung.
3. Memberi ruang kepada teater tradisional yang sama penting dengan teater moden menemui khalayak dan diakhiri secara berterusan.
4. Memperlihatkan suatu bentuk teater kepada khalayak untuk menilai, menghargai serta mendapat pengalaman baru melalui Makyung.

Sejak Makyung diperkenalkan sebagai kursus wajib akademik, ASK telah berjaya mementaskan sebanyak 5 produksi Makyung iaitu:

1. Anak Raja Gondang - 1997
2. Anak Raja Gondang 2 - 1998
3. Raja Tangkai Hati - 1999
4. Dewa Muda 1 - 2000
5. Dewa Muda 1f - 2001

PROGRAM PERLUASAN MAKYUNG

Selain menjadi tempat rujukan, dari semasa ke semasa Akademi Seni Kebangsaan mengadakan kursus-kursus jangka pendek seperti bengkel, seminar dan dialog mengenai teater Makyung.

Sambutan yang menggalakkan terhadap kesenian khususnya di Kuala Lumpur telah memberi jalan kepada ASK untuk terus mengekalkan Makyung sebagai kursus wajib di ASK dan mulai tahun 2000 diwujudkan lagi dengan membuka kursus ini kepada orang ramai melalui program separuh masa.

Melalui program separuh masa, orang awam yang berminat boleh mengikuti kursus Makyung dengan mendaftar sebagai pelajar separuh masa dan menghadiri kuliah sebanyak dua kali seminggu serta mengikuti jadual latihan intensif semasa produksi akan diadakan.

Bagi tujuan ini seorang pelajar separuh masa perlu membayar:

Yuran pendaftaran
RM200.00

Yuran kursus
(bagi satu semester dengan 2 unit kredit)
RM150.00

JUMLAH
(bagi satu semester)
RM350.00

Seorang pelajar akan melengkap kursus Makyung dengan mengikuti kursus selama dua semester dan dibimbing oleh tenaga pengajar yang berpengalaman.

Primadona Mak Yong terkenal yang juga Seniman Negara Allahyarham Khatijah Awang adalah Adi Guru Makyung pertama ASK. Manakala Dr. Ghulam Sarwar merupakan ahli akademik dalam seni persembahan Asia dan juga pakar dalam bidang Makyung telah menerajui pengajaran dan pembelajaran teori. Mereka dibantu oleh jurulatih dan tutor yang berkemahiran.

PRODUKSI MAKYUNG ASK

Setiap pembelajaran Makyung di ASK akan diakhiri dengan sebuah produksi dengan cerita terpilih. Produksi akan dilaksanakan oleh pelajar-pelajar yang mengikuti kursus sebagai kerja kursus bersifat praktikal di mana teori dan latihan studio akan diangkat ke pentas. Selain kerja-kerja kreatif seperti senireka kostum, solek dan taranis, produksi juga melatih pelajar dari aspek pengurusan dan pentadbiran yang melibatkan urusan panggung, protokol, publisiti dan pemasaran, kajian dan dokumentasi.

PENYELIDIKAN DAN DOKUMENTASI

Akademi Seni Kebangsaan juga menggalakkan kajian dan penyelidikan mengenai Makyung. Pada tahap ini ASK berusaha untuk mengumpul bahan sedia ada melalui koleksi pakar bidang dan merancang menerbitkan album nyanyian/muzik Makyung. ASK juga bercadang menerbitkan skrip, buku atau makalah yang berkaitan dengan Makyung sebagai memenuhi keperluan pusat sumber ASK dan kegunaan awam.

PENUTUP

Perhatian dan minat terhadap seni Makyung adalah sumbangan besar kepada pembangunan budaya bantuan dan sokongan mengimarakkan seni ini merupakan usaha murni memartabatkan akar budaya Malaysia ke tahap unggul dan berani. Berdasarkan penerangan di atas beberapa kategori perijajaan atau bentuk kerjasama boleh dijalin:

1. Menaja program yang berbentuk seminar/bengkel/dialog.
2. Memberi biasiswa kepada pelajar kursus Makyung ASK.
3. Menaja produksi tahunan Makyung.
4. Memberi geran untuk penyelidikan dan penerbitan.

**BERSAMA MENJULANG BUDAYA BANGSA.
TERIMA KASIH.**

PERBENDAHARAAN CERITA

Cerita-cerita dalam makyung menajani beberapa tahap perkembangan. Ia bermula dengan cerita asas iaitu Dewa Muda, yang menceritakan tentang asal-usul makyung. Berdasarkan cerita ini, ia berkembang menjadi tujuh dan kemudian dua belas cerita. 12 cerita yang dianggap lengkap, asli dan cukup nilainya adalah:

Dewa Muda
Raja Penoil
Bongsu Sakti
Dewa Indera, Indera Dewa
Dewa Panan
Anak Raja Gondang
Gading Berimang
Raja Tangkal Hati
Raja Muda Laskong
Raja Muda Lembek
Raja Besar dalam Negeri Ho Gading
Bentara Muda

Terdapat cerita-cerita makyung tambahan yang diambil dan Menora, wayang kulit, matak dan bangsawan. Kebanyakan cerita-cerita ini mengisahkan tentang watak-watak mitos seperti dewa, raja-raja jin. Dewa Muda merupakan cerita asal-usul terpenting.

LAGU-LAGU DALAM MAKYUNG

Dikatakan ada tiga puluh buah lagu digunakan dalam persembahan teater makyung, bergantung kepada kesesuaian cerita.

MENGADAP REBAB

Lagu terpenting dimainkan sekali semasa permulaan persembahan, kecuali ada cerita makyung dalam cerita makyung keseluruhannya (play within play). Lagu ini merupakan symbol penghormatan kepada rebab dan semangat makyung.

KJIANG MAS

Lagu ini digunakan dalam beberapa keadaan, selalunya dimainkan sebagai lagu instrumental semasa selingan sebelum permulaan persembahan makyung.



SINDONG

Sama seperti lagu Kijang Mas, ia juga dinyanyikan oleh pak yung apabila mahu memberikan arahan kepada pengasuh atau jong dopgdang. Selain itu ia juga dinyanyikan oleh pengasuh tua.

SEDAYONG

Banyak variasi lagu sedayong. Sedayong Pakyung dinyanyikan oleh pakyung, begitu juga dengan Sedayong Mak Yung oleh makyung, sedayung peran dan sedayung tonggek dinyanyikan oleh pengasuh. Lagu ini berfungsi sebagai lagu pendedahan untuk memaklumkan sesuatu kepada Peran atau penonton.

LAGU BARAT

Empat variasi lagu barat ialah Barat Anjur, Kisah Barat, Barat Cepat dan Gunung Barat. Barat anjur selalunya dinyanyikan oleh watak-watak utama apabila mereka masuk kali pertama untuk memperkenalkan diri atau mengumumkan sesuatu kejadian seperti memanggil untuk berkumpul bagi penutup cerita, masuk semula ke pentas dan semasa dalam perjalanan. Barat cepat sering dinyanyikan dalam makyung bagi menandakan pertukaran tempat atau penghabisan tiap-tiap adegan. Kisah barat dan gunung barat merupakan lagu pendedahan (expository pieces).

MENGULEK

Permaisuri atau makyung menyanyikan lagu ini apabila bermain-main dengan inang-inang atau juga digunakan sebagai lagu untuk timang-timang anak atau juga semasa mengulek seseorang watak tidur.

MENGAMBO

Ia dinyanyikan oleh pakyung, makyung atau watak-watak utama di pertengahan cerita dalam adegan sedih apabila hendak meluahkan perasaan pilu.

LAGU-LAGU LAIN

1. Saudara
2. Pakyung Muda
3. Makyung Muda
4. Tok Wak
5. Lagu Pikir
6. Lagu Yur
7. Lagu Balik Padi
8. Lagu Khabar
9. Lagu Gading Timah
10. Lagu Kajol
11. Buluh Seruas
12. Lagu Jamba
13. Yo Peran
14. Lagu Anak Kumbang
15. Lagu Sri Gunung
16. Lagu Dayung Sampan
17. Mek Pnyuh
18. Tari Inai (Ragam)
19. Kisah Puteri Makyung
20. Mengada Raja
21. Sabar
22. Berlari Hambat Rusa (lagu berjalan)

MUZIK DALAM MAKYUNG

Muzik adalah aspek integral makyung; ia merupakan degup; ia menentukan kehidupan makyung, membentuk suasana dan menetapkan langkah dan tempo. Beberapa jenis alat muzik digunakan untuk mewujudkan muzik makyung ini. Bilangan alat muzik dalam ensemble makyung berbeza dari kumpulan ke kumpulan, tetapi alat-alat muzik seperti berikut merupakan asas pementasan:

- | | |
|------|-------------------------|
| i. | Rebab |
| ii. | Gendang ibu |
| iii. | Gendang anak |
| iv. | Sepasang tetawak (gong) |

Namun sebilangan kumpulan telah menambahkan alat-alat muzik wayang kulit kelantan seperti serunai, sepasang geduk, sepasang gedombak, sepasang canang dan kesi. Alat-alat ini digunakan dalam adegan-adegan tertentu yang memerlukannya.





NORIZAM ZAKARIA

Dilahirkan pada 11 Nov 1956, merupakan anak sulung kepada Seniman Negara Allahyarhamah Khatijah Awang. Memiliki kelulusan *Tourist Guide Certificate of Malaysia* dan *Japanese Language Certificate*. Beliau mendapat bimbingan dalam bidang Makyung sejak usia 10 tahun di bawah bimbingan bondanya dan pada usia tersebut beliau telahpun menari secara solo. Selain berkebolehan dalam persembahan Makyung, beliau juga berkebolehan sebagai penyanyi dan pernah menjadi penyanyi professional di sekitar negeri Kelantan seperti persembahan untuk Radio Malaysia Kota Bharu dan bersama beberapa buah kugiran seperti Delta dan The Zurah.

Kebolehan yang terserlah itu ditambah lagi dengan pengalaman beliau menjadi pengajar dalam bidang Makyung untuk The Actors Studio, Yayasan Seni Berdaftar dan bertindak sebagai jurulatih Kumpulan Seri Temenggung.

Penglibatan beliau dalam persembahan teater tradisional ini telah membawa beliau menjelajah ke beberapa tempat untuk mengadakan persembahan seperti di seluruh Malaysia, Bangkok, Narathiwat dan ke Turki di bawah pimpinan Permaisuri Kelantan.

Atas usaha untuk meneruskan kesinambungan, pada sesi 2001/02 Akademi Seni Kebangsaan melantik beliau sebagai tenaga pengajar bagi bidang tari dan lakon Makyung.

FATIMAH ABDULLAH

Merupakan adik ipar kepada Seniman Negara Allahyarhamah Khatijah Awang, beliau dilahirkan pada tahun 1959 di dalam lingkungan kumpulan Makyung dan Bangsawan. Bapanya, Abdullah Awang merupakan pemain utama persembahan Makyung dan turut membantu pengkaji budaya Tan Sri Mubin Sheppard di dalam menyediakan Siri Kajian Cerita Makyung.


Pada tahun 1969, beliau turut terlibat di dalam penggambaran Makyung bagi kanak-kanak negeri Kelantan dalam cerita "Anak Raja Gondang" bersama kumpulan Mak Aji. Mulai usia 10 tahun, beliau mula mengikuti persembahan Makyung termasuklah pada tahun 1972, beliau bersama Kumpulan Sri Temenggung mengadakan persembahan di Istana Kota Lama dalam cerita "Raja Indera Dewa".

Teater tradisional ini telah membawa beliau mengadakan persembahan di Istana Raja Thai, Bangkok, persembahan Di-Raja di Istana Negara dan hampir ke seluruh Malaysia termasuk Sabah dan Sarawak. Kebolehan beliau turut diakui apabila dilantik sebagai pengajar gerak tari Makyung bagi Kumpulan Kesenian DBKL, Kumpulan Seni Persembahan Petronas, Kumpulan Budaya Indera Wangi di bawah naungan Puan Mahani Maidin dan bersama Kumpulan Budaya Dewi Kasturi.

Selain daripada terlibat dalam pementasan Makyung, beliau turut dijemput untuk menjayakan persembahan dramatari "Siti Zubaidah" koreografi Suhaimi Magi dan "Dewa Muda" di bawah koreografi Ahmad Omar. Pada tahun 1994 beliau terlibat di dalam rakaman lagu-lagu Makyung untuk UNESCO terbitan Kementerian Kebudayaan Kesenian dan Pelancongan dan mutakhir beliau turut bekerjasama dengan ASK di dalam merakamkan lagu-lagu Makyung yang bakal diterbitkan dalam bentuk cakera padat.

Kini beliau dilantik sebagai tenaga pengajar Akademi Seni Kebangsaan bagi kursus amali Makyung.





SAARI ABDULLAH

Menggunakan nama samaran 'Saari Raja Gondang' kerana keakraban watak tersebut dengan dirinya. Beliau dilahirkan pada tahun 1953, di Mataair Perlis, merupakan anak ketiga kepada Abdullah Awang iaitu bapa kepada Fatimah Abdullah.

Beliau merupakan insan yang dikurniakan bakat yang pelbagai, bukan sekadar mampu bermain alat muzik, malah turut berkebolehan dalam lakonan, tarian, penulisan dan juga pembuatan kostum. Beliau melibatkan diri sepenuhnya dalam kegiatan seni dan pernah berkhidmat sebagai pemuzik di Kompleks Budaya Negara di mana semasa berkhidmat beliau tidak sekadar bermain muzik malah sering terlibat dalam persembahan tarian dan dramatari.

Kebolehan yang pelbagai ini, menjadikan Saari Abdullah begitu dikenali di kalangan penggiat seni di negeri Kelantan dan kerana itu beliau sering diajak menyertai persembahan teater, drama TV dan turut membantu kerja-kerja penyelidikan khususnya teater tradisional Makyung. Beliau merupakan penolong penyelidik kepada Dr. Ghulam Sarwar di dalam mengkaji kesenian Makyung.

Kini beliau sering tampil sebagai Tuk Selampit di dalam banyak acara dengan memersebahkan cerita-cerita rakyat sambil menggesek rebab. Penglibatan beliau dengan alat muzik Rebab, sejak beliau berusia 15 tahun di mana beliau dipaksa oleh bapanya untuk mempelajari alat muzik tersebut. Beliau juga merupakan pelajar tunggal kepada tokoh muzik tradisional, Allahyarham Raja Hassan Raja Ibrahim.

Kini beliau merupakan salah seorang tenaga pengajar bagi kursus amali Makyung di Akademi Seni Kebangsaan.




SINOPSIS

Dewa Indera menyuruh kedua-dua pengasuhnya menjemput adindanya Indera Dewa kerana baginda ingin pergi berburu ke musim lama pusaka ayahanda peninggalan bonda. Dewa Indera melahirkan hasrat sedemikian setelah cukup tempoh tujuh hari beliau tidak keluar berburu di dusun tersebut. Ajakan Dewa Indera itu disambut dengan senang hati oleh Indera Dewa dan kedua pengasuhnya.

Dusun lama itu telah dihuni oleh seorang puteri bernama Tuan Puteri Selindungan Daun, anak kepada Pokok Kekabu. Keayaan Tuan Puteri memang tiada bandingan. Suatu hari Selindungan Daun berasa ingin berendor lah diajak inang-inangnya bermain-main di bawah pokok Kekabu. Sedang mereka beiseronok tiba-tiba muncul Jin Hitam Pasak Pelunggul yang sedang mencari makanan. Jin Hitam Pasak Pelunggul tertarik pada kejelitaan Tuan Puteri Selindungan Daun dan ingin menjadikan Selindungan Daun sebagai isterinya. Jika kamaannya ditolak maka akan dimakan Tuan Puteri itu.

Selindungan Daun menjadi amat takut lalu mencari helah dengan meminta tempoh selama tujuh hari bagi memikirkan pertaruhan itu. Kerana terlalu takut, Selindungan Daun memohon pertolongan bondanya lalu bersembunyi lah Selindungan Daun di dalam tubuh bondanya. Apabila disedari oleh Jin Hitam Pasak Pelunggul, maka dia menjadi amat marah dan berdentam kepada sesiapa yang cuba menghalang impiannya.

Kumpulan Dewa Indera yang masih dalam pemburuan gagal mendapat walau sekor binatang buruan. Indera Dewa yang terasa dahaga menyuruh pengasuhnya mencari air. Apabila Indera Dewa meminum air yang ditemui oleh pengasuh, dirasakan air tersebut terlalu manis, maka dikerah pengasuh untuk membawanya ke tempat air diperolehi.



Apabila tiba di lopak air tersebut, baginda berdua
ternyata Selindangan Daun sedang pangsang. Maka
bertaruhlah Dewa Indera dan Indera Dewa, yakni
Selindangan Daun akan dimiliki oleh sesiapa yang
berjaya memulihkannya.

Percubaan Dewa Indera menemui kegagalan. Indera Dewa
berjaya memulihkan Selindangan Daun jadilah naif
puteri itu miliknya. Namun Dewa Indera menjadi
marah kerana mengangap bahawa Indera Dewa
terlalu mada untuk beristeri. Berlaku pergaduhan
antara kedua beradik dan akhirnya Indera Dewa
terpaksa akur dengan kehendak Dewa Indera. Apabila
disedari oleh Jin Hitam Pasak Pelungguh bahawa
Selindangan Daun bersama Dewa Indera, maka
diserangnya Dewa Indera. Namun kekuatan dan
kesaktian yang dimiliki oleh Dewa Indera telah
menjadikan Jin Hitam Pasak Pelungguh akur dan
menyerah kalah sebagai hamba.

Dalam perjalanan pulang ke istana, Indera Dewa telah
berjaya memarah seekor gajah. Gajah tersebut
merupakan taruhan Raja Besar. Sesiapa yang dapat
memarah gajah tersebut belian akan dikahwinkan
dengan puterinya. Namun Indera Dewa tidak
mengetahui hal itu. Wak Penyadat Tar yang menemui
gajah tersebut telah memotong belalai gajah itu
sebagai bukti bahawa belian yang membunuh gajah
itu. Raja Besar menjadi ragu-ragu akan kekuatan Wak
Penyadat Tar lalu disuruh kedua pengasuhnya melihat
sendiri akan gajah tersebut.

Apabila perkhabaran itu didengar oleh Indera Dewa, maka
baginda menjadi sangsi akan berita itu lalu mengadap
ke Istana Raja Besar dan mencabar Wak Penyadat Tar
supaya mencabut anak panah yang tercajak di badan
gajah itu. Yang pasti, anak panah itu hanya mampu
dicabut oleh Indera Dewa sahaja. Berkahwinlah Indera
Dewa dengan puteri Raja Besar.

BIMBINGAN

FATIMAH ABDULLAH

tarikh pementasan 4 dan 6 April 2002

ZAMZURIAH ZAHARI | INTAN CARINA ABD KARIM | AZMAN@MOHD NOR MAHMUDIN


SYAHRIZAN SAHAMAT | ENGGU NORZALIFAH E. RASED | ISMALIZA ISHAK

HO KOK KEONG | SHAFIRUL AZMI SUHAIMI | CHOI CHIN YANG | KHAMARUL AZMAN HUSSIN

SHAHRI L NIZAM SHARON | HOI CHEN SIM | BAIDAH ABU SHAAID | NOORAZAN MAMAT

SALMAH OSMAN | NOR HAZLINDA HARAMAINI | LYDIA G.J. KIMSIN | MUSTAKIM YUSOFF

IZZAD IZZUDDIN | MOHD HAFIZ HUSSIN | ROZARIO GHULAM | JEFFERSON DAVE



BIMBINGAN

NORIZAM ZAKARIA

tarikh pementasan 5 dan 7 April 2002

HANIMAH SAMSUDDIN | SABARINA MASADI | AMIRA SARIYATI MOHD HATTA | AZIZI SULAIMAN

MOHD KAMALUDIN MOHD DAUD | ZURIAH MOHAMAD | HADI MASWARDI MOHD AMIN

MOHD KHAIRUL ANUAR RAMLI | PRIMUS IGAU | ROZILAH ABDUL RAHMAN | ROHAIZA DULMAI

NORZIALINAZURIN KAMAL RIDZUAN | SU THEN CHEW | SYLVIA ONG SU MEL | ADRIANE NICHOLAS PALIKAT

GILBERT JIM LAJIM | ANAS SALLEH RAHBANI | FAZIL AHMAD

**SENARAI PELAJAR YANG DINILAI BAGI
KURSUS PWA 2302 MAK YONG**

BARISAN PELAKON

DEVA INDERA
ZAMZURIAH ZAHARI
HANIMAH SHAMSUDDIN

INDERADEWA
INTAN GARINA ABD KARIM
AMIRA SARIYATI MOHD HATTA

RAJA BESAR
ISMALIZA ISHAK

PUTERI SELINDUNG DAUN
ZURIAH MOHAMAD
ENGGUNOR ZALIFAH

PERANTUA
SYAFRIZAN SAHAMAT
AZIZI SUEAIMAN

PERAN MUDA
MOHD KAMALUDIN MOHD DAUD
AZMAN @ MOHD NOR MAHMUDIN

JIN HITAM PASAK PELUNGGUL
SHAFIRUL AZMI SUEAIMI
HADIMASWARDI MOHD AMIN

PENGGHOT JIN
CHOI CHIN YANG
MOHD KHAIRUL ANUAR RAMLI
PRIMUS IGABU
KHAMARUL AZMAN HUSSIN

PEMUZIK

IBRAHIM SENIK
MOHD NAWIJUSOH
ABDUL WAHABOTHMAN
ISMAL MAMAT
ISYAM SWARDIDAUD

PERANTUA RAJA BESAR
HOKKOK KEONG

PERAN MUDA RAJA BESAR
SHAFIRUL NIZAM SHARON

WAK PENYADAT TIK
JEFFERSON DAVE

WATAK BINATANG
ROZILAH ABD RAHMAN
SABARINA MASADI
ROHAZATULMAT
JHEN SU CHEW

INANG INANG
SYI VIA ONG SUMEI
NORZAINAZURINKAMAL RIDZUAN
BAIDAH ABU SHAHID
NORAZAN MAMAT
SALMAH OSMAN
NORHAZLINDA HARAMAINI
LYDIA G. J. KIMSIN
HOI CHEN SIM

RFBAB
GENDANG IBU
GENDANG ANAK
GONG
KESI / GEDUK

KERABAT PRODUKSI

Penerbit

PN NORLIZA ROFLI

Penasihat Produksi

EN ZAKARIA ARIFFIN

Penyelaras Produksi

EN MOHD KAMARULZAMAN TAIB

Pengurus Produksi

MARDIANA ISMAIL

Rujukan Produksi

DR GHULAM-SARWAR YOUSOF SAARI ABDULLAH

Pembimbing

FATIMAH ABDULLAH

NORIZAM ZAKARIA

Penolong Pembimbing

JUHARA AYUB

ENGGUN NORMALAREESA ENGGUN MALIK

Pengurus Pentas

SHARIL NIZAM SHARON

SABARINA MASADI

Penyelaras Set & Props

SHAFIRUL MIZAD ASAARI

Penyelaras Teknikal

AZIZUE ZAHID JAMAL

Penyelaras Kostum

ROSMAN ISHAK

Penyelaras Tatarias

JUHARA AYUB

Pereka Tatacahaya

MOHAMAD HAFIZ HUSIN

Pembantu Pentas

ANAS SALLEH RAHBENI

ROZARIO GHULAM

MUSTAKIM YUSOF

IZZAD IZZUDDIN

FADZIL AHMAD

GILBERT JIM LAJIM

ADRIANE PALIKAT

SU THEN CHEW

MOHD ADUHA

MOHD SOFFIAN MOHAMAD

KERABAT PENGURUSAN

PENAUNG

YB Dato' Abdul Kadir Haji Sheikh Fadzir
Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan

PENASIHATI

YM Dato' Tengku Alaudin Tengku Abdul Majid
Ketua Setiausaha
Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan
Merangkap Pengerusi Majlis Akademi Seni Kebangsaan

PENASIHAT II

Daing Abdul Rahman Daing Ibrahim
Timbalan Ketua Setiausaha (Kebudayaan)
Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan
Merangkap Timbalan Pengerusi Majlis Akademi Seni Kebangsaan

PENGERUSI

Norliza Rofli
Pengarah
Akademi Seni Kebangsaan

TIMBALAN PENERUSI I

Norizah Arshad
Pengurusan dan Pendaftaran

TIMBALAN PENERUSI II

Mohd. Amir Hakim Mohd. Yusof
Hal-Ehwal Pelajar & Hal-Ehwal Akademik

SETIAUSAHA

Zakaria Ariffin
Ketua Program Teater

PENOLONG SETIAUSAHA I

Mohd Kamarulzaman Taib
Penyelaras Program Teater

PENOLONG SETIAUSAHA II

Roslee Ahmad
Penolong Pegawai Tadbir Hal-Ehwal Akademik

PUBLISITI DAN PEMASARAN

Norizah Arshad
Melah Khalid
Rozihani Mohamad
Baharuddin Ramli
Shakila Hazila Yackop
Rozihani Mohamad
Nooraini Harun
Zuzairi Othman
Mariani Mohd Zain

JAWATANKUASA JEMPUTAN

Norizah Arshad
Melah Khalid
Baharuddin Baharin Ramli
Rozihani Mohamad
Mariani Mohd. Zain

JAWATANKUASA LOGISTIK/KEBAJIKAN

Zailena Mohamad Razali
Mohd Rais Husin
Addly Abdul Karim
Sulaiman Mamat

JAWATANKUASA KEWANGAN

Ghazali Bidin
Zailena Mohamad Razali
Muazzah Malek
Wan Zun Wan Jusoh
Addly Abdul Karim

JAWATANKUASA TEKNIKAL & DOKUMENTASI

Hj. Wan Mansor Yusof
Jali Nazri Jaafar

**AHLI MAJLIS
AKADEMI SENI KEBANGSAAN
(2001/2003)**

PENGERUSI
Dato' Tengku Alaudin Tengku Abdul Majid
Ketua Setiausaha
Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan

TIMBALAN PENERUSI
Encik Daing Abdul Rahman bin Daing Ibrahim
Timbalan Ketua Setiausaha
Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan

SETIAUSAHA
Puan Norliza Rofli
Pengarah
Akademi Seni Kebangsaan

PENOLONG SETIAUSAHA
Timbalan Pengarah Pengurusan dan Pendaftaran
Akademi Seni Kebangsaan
Timbalan Pengarah Hal Ehwal Pelajar dan Hal Ehwal Akademik
Akademi Seni Kebangsaan

AHLI AHLI TETAP

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
Jabatan Perkhidmatan Awam

Ketua Setiausaha
Kementerian Kewangan

Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan

AHLI AHLI DITANTIK

Prof. Diraja Ungku Aziz bin Ungku Abd. Hamid

Dato' Dr. Hassan bin Ahmad

Prof. Dato' Dr. Wan Hashim Wan Teh

Prof. Dato' Dr. Ramlah Adam

Dato' Jins Shamsuddin

Datin Azanin Ahmad

Encik Mohd Shariff bin Ahmad

Dr. Harta Azad Khan

Puan Wairah Marzuki

**BANGSAWAN
DELIMA DI SRI TEMIANG
13 - 14 APRIL 2002**

Auditorium Dewan Bandaraya Kuala Lumpur
8:30 malam

Tiket RM 10.00

Pengarah : Rahman B

Pelakon

Hanimah Samsudin, Shahril Nizam Shahrin,
Hadi Maswardi, Azizi Sulaiman, Ismailza
Ishak, Hafiz Hussein, Mohd Kamaluddin Mohd
Daud, Salmah Osman, Noraizan Mamat

SINOPSIS

Kematian Orang Kaya Limbung menyebabkan anak-anaknya, Katam dan Bujang mengambilalih urusan mengutip hutang daripada penduduk kampung. Katam yang menuntut hutang daripada Alang dan apabila dia gagal membayarnya, Katam mendesak supaya adik Alang, Delima dijadikan isterinya. Berlakulah pergaduhan antara Alang dan Katam. Katam, Bujang dan Jasin masing-masing menaruh hari kepada Delima. Jasin kemudiannya menghasut Bujang sehingga dia sanggup menikam abangnya sendiri. Apakah kesudahannya.....

SYNOPSIS

Delima is a beautiful maiden from a remote village called Sri Temiang. Two brothers, Katam and Bujang from the same village, took over their late father's business. Katam was assigned to collect debts from Alang, a villager. When Alang failed to pay, Katam forced him to give Delima, Alang's younger sister, to him in marriage. This trade angered Alang beyond words. The beauty of Delima mesmerizes the young men of Sri Temiang, including the two brothers and another young man, Jasin. The extent of jealousy and rivalry to gain Delima's affections is portrayed when Bujang kills his own brother, Katam.

*What happens next?
Jealousy, rivalry, greed and amongst it all, is a beautiful maiden. Find out in... DELIMA DI SRI TEMIANG.*

**TEATER EKSPERIMEN
MIMPI DI MALAM PANAS
16 - 18 APRIL 2002**

Pentas Terbuka, Pusat Pelancongan Malaysia
(Malaysia Tourism Centre), Jalan Ampang, Kuala Lumpur
8:30 malam

MASUK PERCUMA

Pengarah : Rohani Yousoff

Pelakon

Shahril Nizam Shahrin, Engku Norzalifah,
Shamaine Othman, Ce'Kem, Rosman Ishak,
Mohd Shahrul Mizad, Mohd Fauzi Rais, Arbaiah
Ahmad Nadzri

SINOPSIS

Sarkis sudah selesai. Dua orang artis sarkis, Lysander dan Hermia melarikan diri kerana Lysander bukan pilihan ayah Hermia. Bila malam tiba mereka dari alam lain pula muncul. Raja pari-pari, Oberon memaksa isterinya Titania untuk mendapatkan seorang anak angkat iaitu Bottom. Bila Titania enggan, Oberon menggunakan air pengasih untuk melembutkan hati Titania. Akhirnya Titania jatuh hati kepada Bottom dan bersetuju menerima Bottom sebagai anak angkatnya. Air pengasih berkenaan bukan sahaja membuatkan Titania menjadi mangsanya, malah Lysander juga jatuh cinta kepada Helena sehingga sanggup meninggalkan Hermia, Demetrius yang juga gilakan Hermia turut jatuh cinta kepada Helena. Pergaduhan terjadi antara keempat-empat orang ini. Apakah penyelesaiannya?

Temuilah jawapannya di dalam MIMPI DI MALAM PANAS, sebuah adaptasi dari karya Shakespeare A MIDSUMMER NIGHT'S DREAM.

SYNOPSIS

The circus is over. Two lovers, Lysander and Hermia flee the circus because of Hermia's father's refusal to bless the couple. Meanwhile, in an immortal land, King of Fairies, Lord Oberon tries very hard to persuade his queen, Titania to agree to adopt a mortal boy, Bottom, as their son. Initially, Titania refuses, but Oberon was so desperate in wanting Bottom as their child that he put a spell and a love potion to persuade Titania. He succeeds and Bottom was adopted as their child. But the spell and the love potion not only affects and works its magic on Titania, but also on the mortal Lysander. Lysander leaves his love, Hermia and turns to Helena. Demetrius who is also head over heels in love with Hermia, falls for Helena too. Chaos erupts.

Do not miss MIMPI DI MALAM PANAS, an adaptation based on the famous A MIDSUMMER NIGHT'S DREAM by Shakespeare.

Penghargaan

Akademi Seni Kebangsaan merakamkan jutaan
terima kasih
dan penghargaan kepada semua pihak dan
individu yang telah membantu
melaksanakan kejayaan pementasan teater
tradisional Makyung

“Dewa Indera Indera Dewa”

Kementerian Penerangan
Dewan Bandaraya Kuala Lumpur
Pusat Pelancongan Malaysia
Istana Budaya
Pihak Media Tempatan
Tenaga Pengajar Akademi Seni Kebangsaan
dan semua yang terlibat.

Terima Kasih

Akademi Seni Kebangsaan

Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia
Aras 33, Empire Tower, Jalan Tun Razak, 50400 Kuala Lumpur

tel : 03 2164 9180 *faks* : 03 2164 9186

email : eyjah@excite.com | ask_arts@virtualmalaysia.com